



TEKS UCAPAN
YS PPjB MOHD ZAIDI BIN HJ. MA'AT
PENGARAH JBPM NEGERI MELAKA

SEMPENA
SEMINAR ORGANISASI KESELAMATAN KEBAKARAN (OKK)
2025
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI MELAKA

PADA
22 MEI 2025 (KHAMIS)

MASA PERASMIAN
10.00 PAGI

TEMPAT
BAYOU LAGOON RESORT

Terima kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis, PgKB II (TBK2) Hafizah binti Jamaluddin dan PBK II (TBK2) Mohamad Safiee bin Mohamad Masrom dan terima kasih juga kepada al-Fadhil PPgB Irman bin Ali, yang telah membacakan doa, memohon rahmat Allah ke atas majlis pada hari ini.

Assalamualaikum WBT,

Salam “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”

Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,

Salam Malaysia Madani,

Salam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,

Berprestasi Tinggi, Cepat dan Mesra,

YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin

EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan,

Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana,

Mewakili YAB Ketua Menteri Melaka

YAS Tuan Othman Bin Abdullah,

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan),

Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia,

Yang Berusaha PgKB I R Saiful Iswandy bin R Hassan,

Timbalan Pengarah JBPM Negeri Melaka;

Yang Berusaha Encik Muniswaran Errisson

Ketua, Jabatan Latihan (Naib Presiden Kanan), HRDF

Yang Setia PPjB Mohd Pisar bin Aziz
Pengarah, JBPM Negeri Sabah

Yang Berusaha PKPjB Abdul Khair bin Osman
Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat
Malaysia,

Yang Berusaha PPjB Hafisham bin Mohd Noor
Bahagian Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba Dan Penyelamat
Malaysia,

Yang Berusaha PgKB I Ts. Md Riduan bin Hj Hasan
Bahagian Operasi Kebommbaan Dan Penyelamat,
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia,

Yang Berusaha PgKB II Mohd Haikal bin Md Kasri
Bahagian Operasi Kebommbaan Dan Penyelamat,
Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur

YS Penolong-Penolong Pengarah Bahagian JBPM Negeri Melaka;
YS Ketua-ketua Zon; YS Ketua-ketua Balai;
Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri
Melaka;

Para peserta Seminar OKK, para wakil media, tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian.

1. Terlebih dahulu saya dengan penuh takzim melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatnya kita dapat bersama-sama bagi menjayakan majlis pada hari ini. Saya bagi pihak Jawatankuasa Induk Seminar Organisasi Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka ingin merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran dan kesudian **YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin, EXCO Kanan Perumahan, Kerajaan Tempatan, Saliran, Perubahan Iklim dan Pengurusan Bencana, Negeri Melaka yang mewakili YAB Ketua Menteri Melaka**, kerana sudi hadir dan seterusnya menyempurnakan majlis perasmian **‘Seminar Organisasi Keselamatan Kebakaran, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka’** bagi tahun 2025. Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana turut memeriahkan lagi majlis ini.

YB Datuk /YAS Tuan /Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.,

2. Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memerlukan kerjasama serta sokongan dari pelanggan-pelanggan Jabatan supaya semua urusan dapat dilaksanakan mengikut peraturan dan prosedur-prosedur ditetapkan. Adalah menjadi kewajipan Jabatan untuk memastikan pelanggan – pelanggan Jabatan memahami dengan jelas setiap prosedur dan garis panduan terkini supaya semua urusan berkaitan keselamatan kebakaran berjalan dengan lancar. Justeru itu dengan penganjuran seminar OKK ini, ianya dapat membantu memberi penjelasan dan kefahaman

mendalam kepada pelanggan –pelanggan terutamanya dalam urusan pelaksanaan penubuhan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK).

3. Seramai hampir 800 orang peserta telah menyertai seminar pada ini. Diantaranya adalah dari pemunya premis yang ditetapkan bangunan kerajaan mahupun bangunan swasta, arkitek, serta konsaltent serta lain-lain agensi dari Negeri Melaka dan ada juga yang hadir dari luar Negeri Melaka. Justeru itu saya bagi pihak warga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan dengan menyertai seminar OKK pada hari ini.
4. Program Seminar OKK ini merupakan salah satu aktiviti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka yang dalam usaha berterusan untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat semua terhadap kepentingan Keselamatan Kebakaran. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan kebombaannya kepada masyarakat amnya dan sektor perindustrian, perniagaan dan lain-lain khasnya.

YB Datuk /YAS Tuan /Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.,

5. Melalui seminar OKK ini saya percaya tuan-tuan dan puan-puan dapat memahami dengan lebih jelas peruntukan **Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341)** tentang apa yang dikatakan dengan pelaksanaan **Perakuan Bomba dan penubuhan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK)** di premis-premis yang ditetapkan. Seminar ini juga

boleh dijadikan forum membincangkan masalah-masalah serta idea-idea baru yang boleh menjurus kearah memperbaiki lagi sistem penyampaian (delivery system) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

6. Bahagian Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka telah dan akan mempergiatkan lagi usaha pengeluaran Sijil Perakuan Bomba (Fire Certificate) bagi premis-premis yang ditetapkan (designated premises) untuk seluruh Negeri Melaka. Saya berharap premis-premis yang belum memohon bolehlah berurusan terus dengan Bahagian Keselamatan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka Negeri Melaka.
7. Penguatkuasaan Akta Bomba iaitu (AKTA 341) akan hanya digunakan sebagai langkah terakhir bagi memastikan pematuhan pada kehendak-kehendak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

YB Datuk /YAS Tuan /Tuan-Tuan/Puan-Puan Yang Saya Hormati Sekalian.,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, suka saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang terlibat kerana memanfaatkan seminar OKK ini, khasnya kepada **YB Datuk Rais bin Datuk Wira Yasin** atas kesudian hadir. Saya bagi pihak jawatankuasa juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada tuan-tuan para peserta seminar OKK ini kerana telah memberikan sokongan penuh bagi memastikan seminar OKK pada hari ini berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga kepada Jawatankuasa Seminar OKK yang telah bertungkus lumus

memastikan seminar OKK hari ini dan program seterusnya dilaksanakan dengan jayanya. Saya berharap kita semua mendapat manfaat atas kehadiran pada hari ini. Saya juga ingin memohon sebanyak kemaafan jika ada sebarang kekurangan dalam perjalanan program pada hari ini.

9. Sekian, wabillahi taufik, wahidayah wassalam mualaikum warohmatullahi wabarokaatuh. Terima kasih.